

PM: Kesatuan perlu

Oleh LAWRENCE QUEK

KUALA LUMPUR 2 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pekerja dan kesatuan sekerja perlu menggubal satu pendekatan lain bagi menghadapi ancaman pedagang mata wang dan pelabur jangka pendek yang disifatkan sebagai kapitalis moden yang lebih kejam dan ganas.

Perdana Menteri berkata, buat sementara waktu mereka perlu bekerjasama dan berganding bahu untuk menyelamatkan perniagaan, perusahaan serta ekonomi negara.

"Dengan ini satu benteng yang kukuh dapat didirikan untuk menghalang pedagang mata wang dan pelabur jangka pendek yang hanya ingin mendapat keuntungan cepat tanpa mempedulikan nasib pekerja," katanya ketika me-

rasmikan Persidangan Perwakilan CUEPACS Ke-21 di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, senjata mogok dan tindakan perusahaan yang ada pada kesatuan sekerja tidak berkesan untuk melawan kapitalis moden itu.

Sebaliknya, kata beliau, ia akan memburukkan lagi nasib pekerja.

Sehubungan itu, Perdana Menteri melahirkan rasa gembira kerana kesatuan sekerja dan pekerja di negara ini amat berhati-hati apabila menggunakan senjata mogok dan tindakan perusahaan terutama ketika kegawatan sekarang.

Ini terbukti kerana tidak ada mogok dan tuntutan yang bukan-bukan dibuat oleh kesatuan sekerja.

"Golongan kapitalis tidak terdedah secara langsung kepada tindakan perusahaan pekerja. Mereka tidak pun berada di negara yang diserang oleh mereka

sehingga pekerja menjadi miskin dan menganggur," ujarnya.

Beliau menjelaskan, apabila nilai mata wang dan nilai saham dijatuhkan oleh golongan itu, bank-bank dan syarikat menjadi tenat.

Akibatnya gaji pekerja tidak dapat dinaikkan untuk menolong pekerja menghadapi inflasi, gaji tidak dapat dibayar dan pekerja terpaksa dibuang.

"Jika pekerja mengambil tindakan perusahaan, maka perniagaan akan hancur sama sekali dan pekerja serta pengurus dan pemilik akan hilang punca pendapatan mereka.

"Ekonomi negara akan hancur. Tetapi pedagang mata wang tidak rugi apa-apa," katanya.

Perdana Menteri meminta majikan menghargai sikap kesederhanaan dan bertanggungjawab pekerja dan tuntutan mereka perlu dilayan sekiranya mampu.

"Negara kita adalah milik bersama. Nikmat yang terdapat dalam negara kita hendaklah kita agih secara adil dan saksama antara kita.

"Sementara pelaburan asing amat berguna dan kita alu-alukan, pelaburan tempatan adalah lebih kekal dan memberi pulangan yang lebih banyak," ujarnya.

Keuntungan daripada pelaburan itu, katanya, tidak harus dibahagikan kesemuanya kepada pemilik saham atau pihak lain. Sebahagian daripadanya hendaklah diasingkan untuk dilabur semula.

"Dengan cara ini ekonomi negara akan dapat pulih semula dan dikembangkan," katanya.

Pada masa yang sama, kata Perdana Menteri, daya pengeluaran dan produktiviti hendaklah ditingkatkan melalui kerjasama kecekapan pengurusan pekerja.

ubah pendekatan